

# Enam bot nelayan karam dipukul ombak besar

FOTO: JABATAN PERIKANAN

Siriar  
Harian  
6 /Sept /20  
M/S 37

Bot nelayan yang karam akibat dipukul ombak besar di muara Sungai Hutan Melintang kelmarin.



16 kru nyaris lemas sebelum diselamatkan oleh bot nelayan lain

Oleh SAIFULLAH AHMAD

## BAGAN DATUK

**S**ebanyak enam bot pukat tunda milik nelayan tempatan karam selepas dipukul ombak besar pada kedudukan 3.7 batu nautika dari muara Sungai Hutan Melintang di sini kelmarin.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perak, Kepten Maritim Shahrizan Raman berkata, pihaknya bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima maklumat daripada Pasukan Polis Marin (PPM) pada jam 12.50 tengah hari.

Menurutnya, setiba di lokasi, semua kru bot karam berkenaan sempat diselamatkan oleh bot nelayan lain yang berada tempat kejadian.

“Seramai 16 kru bot nelayan yang karam itu merupakan warga Myanmar dan kesemua mereka selamat.

“Kita percaya kejadian berlaku disebabkan fenomena air pasang

besar, hujan dan angin kuat yang menyebabkan semua bot itu tenggelam,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata, enam bot nelayan itu dikenalpasti dari di Sekinchan, Selangor; Bagan Datuk dan Hutan Melintang di sini.

Sementara itu, Shahrizan mensiasati nelayan supaya lebih berhati-hati dan meningkatkan tahap keselamatan seperti memakai jaket keselamatan bagi mengelak berlaku kejadian tidak diingini.

Menurutnya, nelayan juga diminta memaklumkan sebarang kejadian seumpama itu kepada pihak berkuasa.